
GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENGOPERASIAN AKTIVITI PENYELIDIKAN SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

1. TUJUAN

- 1.1. Garis panduan ini bertujuan sebagai panduan kepada penyelidik dan pelajar pasca siswazah sepanjang tempoh semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dalam memastikan aktiviti penyelidikan berjalan lancar seperti yang telah ditetapkan di samping amalan langkah-langkah pencegahan wabak COVID-19 di UiTM.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Selaras dengan pelaksanaan arahan Kerajaan berkaitan pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Selangor, Sabah, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya serta pelaksanaan PKPB bagi semua negeri kecuali Perlis, Pahang dan Kelantan yang berkuat kuasa pada 9 November 2020 hingga 6 Disember 2020.
- 2.2. Bagi tujuan penyelarasan, garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan peraturan dan pekeliling berikut:
 - i. Surat Pejabat Naib Canselor 100-UiTM (NC 6/2/1) bertarikh 8 November 2020: Peringatan berkaitan Pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Operasi Universiti Teknologi MARA (UiTM) semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) Wabak COVID-19.
 - ii. Pekeliling Naib Canselor Bilangan 27 Tahun 2020: Pekeliling Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) kepada pelajar UiTM di Sabah, Selangor, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya bertarikh 14 Oktober 2020.
 - iii. Pekeliling Naib Canselor Bilangan 26 Tahun 2020: Pelaksanaan Pengoperasian UiTM semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKPB) di Sabah, Selangor, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya bertarikh 13 Oktober 2020.
- 2.3. Garis panduan ini juga perlu dibaca bersekali dengan arahan dan prosedur yang telah digariskan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari semasa ke semasa.

3. PERANAN PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)

Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) berfungsi sebagai pusat rujukan bagi pengurusan penyelidikan di kampus-kampus UiTM.

- 3.1. Menguruskan aktiviti penyelidikan untuk memastikan kelestarian aktiviti penyelidikan di UiTM sepanjang tempoh PKPB dilaksanakan.
- 3.2. Merangka dasar dan menguatkuasa peraturan-peraturan menjalankan aktiviti penyelidikan bagi memastikan penyelidik mematuhi.
- 3.3. Memantau prestasi projek penyelidikan untuk memastikan penghasilan *Key Performance Index* (KPI) dan output penyelidikan tercapai.
- 3.4. Mematuhi arahan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan, pihak berkuasa dan universiti yang berkenaan selaras dengan perkembangan terkini wabak COVID-19.

4. PERANAN KETUA PTJ

- 4.1. Ketua PTJ adalah bertanggungjawab membuat pertimbangan dan kelulusan kepada warga penyelidik yang menjalankan penyelidikan di PTJ masing-masing untuk hadir ke ruang kerja/ makmal dalam tempoh PKPB dilaksanakan kecuali pelajar pasca siswazah.
- 4.2. Bertanggungjawab menyemak dan menilai permohonan pelajar pasca siswazah untuk menjalankan penyelidikan yang kritikal daripada penyelia di PTJ sebelum dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Eksekutif (MEU) untuk ketetapan.
- 4.3. Melaksanakan pemantauan rapi terhadap penyelidik dan pelajar pasca siswazah untuk memastikan aktiviti penyelidikan yang dijalankan adalah selamat, mematuhi peraturan-peraturan keselamatan dan pemakaian perlindungan diri yang ditetapkan bagi mengelakkan penularan wabak COVID-19.
- 4.4. Bertanggungjawab untuk memastikan senarai lengkap setiap pelajar pasca siswazah yang telah diluluskan oleh MEU yang hadir ke ruang kerja/ makmal penyelidikan di PTJ disimpan bagi tujuan penjejakan kontak sekiranya diperlukan.

5. PERANAN PENYELIDIK

Penyelidik adalah terdiri daripada Pensyarah Akademik, Pegawai Penyelidik, Pelajar Pasca Doktorat, Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) dan Pembantu Penyelidik (RA) yang menjalankan penyelidikan.

- 5.1. Memohon kepada Ketua PTJ masing-masing untuk kebenaran hadir secara fizikal untuk menjalankan aktiviti penyelidikan di ruang kerja/ makmal penyelidikan di PTJ. Bagi pelajar pasca siswazah, permohonan perlu dikemukakan kepada Majlis Eksekutif Universiti (MEU) melalui penyelia dan Ketua PTJ.

- 5.2. Merekod kehadiran setiap hari melalui Sistem *eCLOCK*, <https://intersys.penang.uitm.edu.my/> atau *punch card* di PTJ masing-masing dengan memilih sama ada *Work From Office (WFO)* atau *Work From House (WFH)*.
- 5.3. Membuat deklarasi kesihatan melalui Sistem SaringC19, merekod bacaan suhu badan, mengimbas *QR Code Check-in* dan aplikasi *MySejahtera* setiap hari di ruang kerja/ makmal penyelidikan PTJ masing-masing. Penyelidik dan pelawat tidak dibenarkan untuk hadir ke tempat kerja/ makmal penyelidikan jika terdapat gejala jangkitan dan kurang sihat.
- 5.4. Bertanggungjawab merancang jadual penggiliran kerja untuk memastikan kehadiran ke ruang kerja/ makmal penyelidikan adalah mematuhi had kapasiti ruang makmal dan mengikut jadual yang ditetapkan oleh PTJ masing-masing agar pelaksanaan penjarakan sosial/ fizikal dilaksanakan (sekurang-kurangnya 1 meter). Waktu kehadiran perlu mengikut jadual yang ditetapkan oleh PTJ masing-masing.
- 5.5. Memastikan ruang kerja/ makmal penyelidikan mematuhi SOP yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan yang telah ditetapkan oleh PTJ masing-masing berdasarkan saranan KKM dan UiTM.
- 5.6. Merancang kaedah pengoperasian, pelaksanaan dan tatacara penyelidikan yang dijalankan agar mematuhi SOP yang ditetapkan. Semua bahan/ peralatan penyelidikan seharusnya dijalankan penyahkuman (disinfeksi) sebelum dan selepas penggunaan. Penyelidik perlu memastikan bahan/ peralatan penyelidikan yang dihantar oleh pihak pembekal adalah selamat, bebas dari sebarang risiko COVID-19 dan digalakkan untuk melaksanakan proses penyahkuman (disinfeksi) setelah item diterima.
- 5.7. Semua aktiviti yang melibatkan pergerakan untuk menjalankan segala bentuk kerja lapangan dan kutipan data/ sampel di luar kampus **tidak dibenarkan** sehingga ketetapan lain diputuskan.
- 5.8. Aktiviti penyelidikan seperti soal selidik, temu bual, forum dan perbincangan berkumpulan perlu dilaksanakan menggunakan platform secara atas talian yang selamat dan terjamin dari segi kerahsiaan.
- 5.9. Latihan seperti kursus/ bengkel/ seminar anjuran dalaman atau pihak luar secara bersemuka/ fizikal adalah **tidak dibenarkan** dan **digalakkan** untuk menggunakan platform secara atas talian.
- 5.10. Penghantaran prestasi projek setiap enam (6) bulan dan laporan akhir projek mengikut tempoh yang ditetapkan serta mencapai hasil penyelidikan.
- 5.11. Penyelidik tidak dibenarkan menghadiri persidangan secara bersemuka di dalam dan luar negara sehingga ke satu tarikh yang ditetapkan.

- 5.12. Penyelidik disarankan menggunakan masa sepanjang PKPB ini untuk mempertingkatkan aktiviti penyelidikan seperti:
- i. Penghasilan atau penambahbaikan kertas cadangan penyelidikan
 - ii. Menjalankan kajian perpustakaan (literature review) termasuklah penambahbaikan kaedah metodologi penyelidikan sedia ada.
 - iii. Menghadiri atau membenteng hasil dapatan dan perkembangan penyelidikan melalui sesi perkongsian di webinar atau konferensi secara maya.
 - iv. Penulisan artikel dan penghasilan jurnal, prosiding, buku, bab dalam buku dan lain-lain.

6. PERANAN PENYELIA

- 6.1. Aktiviti penyelidikan di makmal yang melibatkan pelajar pasca siswazah dan penyelia yang mempunyai keperluan kritikal adalah dibenarkan.
- 6.2. Penyelia perlu mengemukakan permohonan pelajar pasca siswazah di bawah seliaan untuk hadir bertugas di ruang kerja/ makmal kepada Ketua PTJ masing-masing untuk kelulusan terlebih dahulu sebelum dimajukan kepada Majlis Eksekutif Universiti (MEU) untuk ketetapan. Setiap permohonan perlu disertakan dengan deskripsi projek penyelidikan yang dijalankan, SOP akan dikuatkuasakan, penilaian risiko dan perincian kaedah pengoperasian aktiviti penyelidikan (termasuk penggiliran masuk ke makmal dan sebagainya).
- 6.3. Bertanggungjawab memantau aktiviti penyelidikan yang dilakukan oleh pelajar pasca siswazah dari semasa ke semasa untuk keberlangsungan penyelidikan seterusnya mengambil langkah-langkah keselamatan di ruang kerja/ makmal penyelidikan dan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh PTJ masing-masing.
- 6.4. Aktiviti penyeliaan dan perbincangan bersama adalah disarankan menggunakan platform secara atas talian yang selamat dan terjamin dari segi kerahsiaan.
- 6.5. Aktiviti menjalankan kerja lapangan dan kutipan data/ sampel di luar kampus adalah tidak dibenarkan. Namun demikian, aktiviti penyelidikan yang melibatkan keperluan kritikal dan dianggap penting adalah dibenarkan dengan kelulusan oleh Ketua PTJ dan MEU.

7. PERANAN PELAJAR PASCA SISWAZAH

- 7.1. Pelajar yang diarahkan bertugas untuk menjalankan aktiviti penyelidikan kritikal perlu mengikut jadual yang ditetapkan sahaja. Pelajar juga perlu mematuhi kaedah pelaksanaan penyelidikan mengikut SOP dan tatacara penyelidikan yang ditetapkan.

- 7.2. Pelajar perlu mengetik masuk menggunakan rekod kehadiran setiap hari melalui *punch card* atau kaedah lain yang diguna pakai di PTJ masing-masing.
- 7.3. Memastikan sebarang aktiviti penyelidikan dan penggunaan bahan/peralatan yang dijalankan adalah selamat serta mematuhi langkah keselamatan yang telah ditetapkan oleh PTJ masing-masing
- 7.4. Menghantar laporan prestasi aktiviti penyelidikan kepada penyelia mengikut tempoh masa yang ditetapkan.
- 7.5. Pelajar pasca siswazah wajib mematuhi arahan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan, pihak berkuasa dan universiti yang berkenaan selaras dengan perkembangan terkini wabak COVID-19.

8. LANGKAH PENCEGAHAN

- 8.1. Amalan konsep 3W (*Wash, Wear & Warn*) dengan kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*wash*) atau menggunakan hand sanitizer, memakai pelitup muka (*wear*) dan peringatan (*warn*) untuk amalkan etika semasa batuk/bersin. Penyelidik perlu mematuhi prosedur kerja selamat dan sentiasa memakai alat pelindung diri (PPE) yang ditetapkan semasa menjalankan eksperimen di ruang kerja/ makmal penyelidikan.
- 8.2. Amalan konsep 3C iaitu mengelakkan kawasan yang sesak (*crowded place*), kawasan yang sempit (*confined space*) dan tidak bertutur dengan jarak yang dekat (*close conversation*) serta elak bersentuhan atau bersalaman untuk mencegah wabak penularan COVID-19. Dinasihatkan untuk membawa sendiri pakaian solat/ peribadi dan tidak berkongsi dengan rakan.

9. PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

- 9.1. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) berharap penyelidik UiTM mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Pengoperasian Aktiviti Penyelidikan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) seterusnya memastikan aktiviti penyelidikan berjalan lancar dan mencapai hasil penyelidikan seperti yang ditetapkan serta dapat membendung penularan wabak COVID-19.
- 9.2. Garis panduan ini tidak terpakai/ terbatal sekiranya terdapat arahan/ perintah baharu oleh pihak berkuasa yang berkenaan dan UiTM selaras dengan perkembangan terkini wabak COVID-19 di Malaysia.

10. TARIKH DIKELUARKAN

Garis panduan ini dikeluarkan pada 16 November 2020.